

Ucaputama

SEJARAWAN, SUDUT PANDANGAN DAN SENTIMEN PERADABAN

Menangani Manusia dan Masyarakat Malaysia

dalam Era Globalisasi

MOHAMAD ABU BAKAR

Universiti Malaya

"A man without bias cannot write interesting history". Bertrand Russell

Pengenalan

Pembugaran sejarah oleh pihak-pihak berkuasa Jepun dan Korea Selatan akhir-akhir ini menandakan betapa perkiraan peribadi dan politik semakin berpengaruh dalam mendalangi penulisan mengenai masa lalu. Begitu jugalah dengan respons yang ditunjukkan oleh kedua-dua Tokyo dan Beijing terhadap pembunuhan beramai-ramai di Nanjing pada tahun 1937, apabila masing-masingnya mengemukakan angka kematian yang jauh berbeda antara satu sama lain. Secara terbuka, mereka yang berkepentingan berusaha mencorak persejarahan, termasuk mengubah-suai buku-buku teks sejarah, dengan menafikan fakta-fakta tertentu yang tidak menyelerakan, khasnya daripada segi pemerintahan dan perhubungan diplomasi. Senario di Barat tidak banyak berbeda. Beberapa orang sejarawan Jerman, seperti Ernst Nolte, Jorg Friedrich dan Martin Walsen, telah membungkitkan keperluan mengungkitkan penderitaan bangsa mereka yang telah dileyapkan dalam sejarah moden semata-mata untuk meriwayatkan *holocaust* dan memuaskan hati Orang Yahudi. Berikutnya tamatnya Perang Dingin, Russia kembali rancak menrekostruksi masa lepas, supaya ia lebih cocok dengan pentadbiran sekarang. Kata-kata bahawa negara tersebut memiliki 'unpredictable past' amat menepati keadaan sekali. Ini sekaligus meningatkan kita kepada ungkapan George Orwell, pengarang novel 1984, bahawa "Who controls the past controls the future". Ringkasnya, sejarah mampu menjadi karya propaganda atau *advocacy paper*, khasnya apabila pihak-pihak berkenaan memilih sudut-pandangan atau perspektif bertujuan memasyarakatkan kedudukan dan menjajakan kekuasaan mereka.

Apakah sebagai sejarawan, mereka juga terjebak dalam kancah yang sama?

Bertolak daripada fahaman seumpama inilah, maka para sejarawan yang pekat dengan pengalaman dan peka dengan persoalan yang terbangkit, terpaksa akur bahawa "Semua sejarah adalah sejarah pemikiran" (Collingwood) atau "Sejarah adalah penceran ideologi semasa terhadap masa lalu" (John Keegan)

Persoalan melahirkan sejarah yang tidak subjektif, yang bersifat saintifik, yang 'bebas nilai' (*value-free*), bukanlah ritorik mainan, tetapi yang nyatanya ialah ia masih merupakan sōrotan dan saranan yang gagal diterjemahkan menjadi kenyataan. Sejarawan besar, Ranke, hanya mampu bertahan dengan kata-kata, "sejarah seperti sebenarnya berlaku", yang menjadi rujukan merata. Aliran kesarjanaan yang teradun sama pada Zaman Pencerahan (*Renaissance*), dan ketika Revolusi Sains, di Eropah, sambil membua positivisme, marxisme dan behavioralisme, tidak berupaya mengubah trend yang telah sekian lama menjalar ini. Secara peribadi, se awal tahun 1970, dalam suatu polemik di akhbar *Utusan Malaysia*, saya merakamkan perasaan dengan kenyataan bahawa 'sejarah objektif' adalah suatu dongeng (3). Maksudnya, seseorang sejarawan tidak perlu dengan penuh kesedaran mengambil pendirian, kerana sikap berpihak secara otomatis akan menjelma dalam penulisannya.

Sejarawan dan Sentimen Peradaban

Sentimen atau semangat peradaban mudah tumbuh dalam persekitaran hidup berbudaya , dan ia semakin terpupuk sekiranya berlakunya pertembungan peradaban. Semenjak awal-awal lagi dalam sejarah komuniti manusia, perasaan seumpama ini telah muncul dan menular. Kehadiran sejarawan dalam keperihalan keadaan ini memudahkan lagi pengalirannya; mereka sering bertindak sebagai pemupuk atau penyalur, menerusi karya-karya mereka. Sejarah silam menyaksi bagaimana Herodotus menggelar orang Parsi 'barbarian' (gasar)dalam *Historiesnya*, sebagaimana kemudiannya Hegel beranggapan bangsa Jerman sebagai penjelmaan peradaban tinggi (*epitome of civilization*).Oswald Spengler yang berfahaman darwinisme sosial dan terkenal dengan bukunya *The Decline of the West* telah mengangkat martabat orang Eropah sahubungannya dengan bangsa lain. Sejarawan yang terulek of 'transcendent progress' ini begitu teruja oleh keupayaan manusia Barat yang telah disepuh oleh nilai-nilai peradaban moden untuk mempelupuri kehidupan se antero dunia menuju 'kemajuan'. Bagi Ranke, sejarah yang berpusat di Eropah, dengan dipinggiri oleh bukan-Barat, memecut perkembangan menuju matlamat tersebut. Voltaire sahubungan ini berpendirian bahawa sejarah mempunyai peranan besar dalam pencerahan hidup manusia dan pembentukan masyarakat yang rasional.

Amerika Syarikat yang lahir kemudian tidak terlepas daripada sentimen peradaban serupa bukan sahaja ketika mengembang sayapnya ke luar pada era penjajahan, tetapi telah juga menyematkan perkiraan sama dalam pengsahan tindak tanduknya. Washington yang mendakwa berada pada 'the pinnacle of history', serta berperasaan 'manifest destiny', atau 'Perakuan Ilahi', berusaha kononnya untuk menyelamatkan kemanusian, termasuk bangsa Filipina , satelah mereka direbut dari tangan Sepanyol (4). Ia bersifat imperialisme budaya.

Dunia bukan-Barat lambat laun menerima padah, dan terpalit sama dalam gagasan pemerkasaan peradaban Barat ini. Seajar dengan perkembangan kolonialisme-imperialisme yang berpaksikan Eropah, maka orientalisme turut mengambil tempatnya dalam skim pemsyarakatan budaya ini. Ia bukanlah sesuatu yang berlaku di luar jangkaan. Pandangan yang bersalutan prasangka dan perasaan permusuhan terhadap Islam contohnya pernah mendominasi pensejarahan. Semenjak Kurun ke 17 lagi, sudah menjadi suatu kegemaran sejarawan Barat untuk memperlecehkan agama itu dan mempeolok-olokkan kenabian Muhammad S.A.W. Ranke melihat dan memperlihat Islam sebagai anti-tesis kepada Kristianiti. Ethnosentrisme yang bertapak sama menyebabkan bangsa Arab menjadi objek penyerangan bertubi-tubi dalam penkaryaan sejarawan; mereka di gelar fanatik dan pemalas, di label pengganas dan pengotor, dan di anggap penakut dan liar. Buku-buku seperti *Life of Mohamet* oleh Muir dan *Mohamad: Prophet and Statesman* oleh Watt sarat dengan kritikan. Orientalisme yang terpupuk dalam persekitaran ini sering mendahului penjajahan, dan menyediakan wawasan untuk kolonialisme-imperialisme berkembang. Dengan sebahagian besar daripada dunia tertakluk dan berada di bawah Barat, ia dengan mudah dapat beroperasi.

Wacana yang menempatkan Barat mengatasi yang lain, atau *hegemonic discourse* ini, semakin terpupuk dengan pembongkaran dan penemuan fakta yang memudahkan pihak tersebut mendakwa keutamaannya. Arkeologi terutama sekali telah membantu penyelidikan dan pengkajian, dan ia menjadi penyumbang penting kepada sejarah hubungan *the West and the Rest*, yang berat sebelah ini. Berpandukan "history is about evidence, but only about evidence we approve" (5), maka kegiatan arkeologi yang rancak berjalan di dunia Barat telah menghidangkannya dengan kenyataan silam mengagumkan. Bagi sejarawan Barat yang berpeluang meneroka sejarah bukan-Barat, maka pembawaan serupa telah menyebabkan mereka terpengaruh sama dengan penghasilan daripada arkeologi. Dengan penemuan artifak-artifak peninggalan zaman Hindu-Buddha di daerah jajahannya di Asia Tenggara umpamanya, mereka dapat menghubungkan masa lalu rantau tersebut dengan pengaruh yang pernah tersalur dari Asia Selatan. Dari situ telah lahir ungkapan-ungkapan seperti "Further India" dan 'Indianized States of Southeast Asia', apabila ternyatanya kepercayaan keagamaan Hindu dan Buddha dalam kehidupan elita dan massa dan terbongkarnya Angkor Watt dan Borobudur (6).

Pembawaan ethno-sentrisme, dengan Barat sebagai paksi dan pusat kegiatan dunia, berlanjutan sehingga ke Perang Dingin, apabila pengetahuan dikisar dan dikitar sebegitu rupa sehingga pihak tersebut kelihatan sebagai pemaju yang bertamadun, dan kominisme sebagai perosak dan pemusnah perradaban. *Knowledge production* ternyata begitu berpihak sekali, dan ia menular jauh sehingga pembangunan negara yang mahu merdeka turut dirangsangi dan diresapi oleh perkiraan ini. Jelas Shahril Talib, "The civilizing role of international capitalism and colonialism continued in disguised form to produce and reproduce knowledge that was useful for their knowledge" (7). Negara-negara yang terpengaruh oleh gagasan ini, termasuk Malaysia sendiri, mendukung wawasan Barat dan bersekongkol dengan Barat untuk memastikan kapitalisme berkembang dengan baik dan komunisme berterusan terhindar. Keserjaanaan sejarah terpugar sama dalam wadah ini, dan kebanyakan sejarawan tempatan sebagaimana guru-guru mereka daripada kalangan sejarawan

kebaratan, telah sama-sama menjana pengajian sejarah yang berkerangka pemikiran Barat ini. Inilah yang dimaksudkan oleh Wang Gangwu apabila beliau menyebut bahawa mereka “submit ...to the full force of an alien historiographical framework” (8).

Sentimen atau semangat peradaban jelas bersebatи atau bergerak seiring dengan kesarjanaan; kadangkala ia menentu dan mencorak pentamadunan, dan kadangkala ia turduk dan tertakluk kepada proses tersebut. ‘Centrality of Europe’ yang menjadi tema sejarah semasa penjajahan ini berlarutan mewarnai pensejarahan hingga kini, apabila dunia dilanda gelombang globalisasi berikutan keruntuhan Soviet Union dan tamatnya Perang Dingin. Cuma dewasa ini ‘Centrality of Europe’ berubah menjadi ‘Centrality of the West’ dengan Amerika Syarikat muncul sebagai pemaju utamanya. Nilai-nilai peradaban Barat yang berteraskan atau berkaitan dengan demokrasi liberal, kapitalisme dan kebebasan individu, sebahagiannya teradun dalam Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia, mengalir sama dalam saluran pensejarahan ini.

Aspek ini bukan sahaja menjelaskan bagaimana kesarjanaan tertempa oleh kejayaan, atau *history follows victory*, tetapi juga menjadi alasan atau hujah untuk mengsaikan keutamaan atau *superiority* peradaban luar itu berbanding dengan kehidupan tempatan. Dengan berkembangnya kepercayaan tentang hierarki dalam susunan manusia dan budaya, maka dunia bukan-Barat telah menjadi sasaran dalam *mission civilisatrice* ini, lantaran ia dianggap bertaraf rendah atau *inferior*.

Gejala ini juga telah melarat dan merebak ke merata dunia, termasuk di kalangan negara-negara baru merdeka, apabila sejarawan tempatan dalam rekonstruksi sejarah bertindak berlebih-lebihan. Masa lepas yang disenangi diperkasakan, kadangkala dimitoskan, manakala masa lalu yang tidak disukai, dipinggirkan. Fenomena ‘beginning to remember’ di kalangan negara-negara membangun menyebabkannya sering kehilangan pertimbangan: ketika sejarawan di Barat mengguna kejayaan sekarang untuk mengukuh sejarah, sejarawan kebangsaan ini mengguna sejarah untuk mengembang kehidupan masa kini. “Spurred by the emotions of national pride, Asian writers took to the extreme view. Some Asian writers upheld the supremacy of their own culture and civilization and tried to belittle the Western civilization” (9).

Pensejarahan dan Pembinaan-Negara dalam Konteks Hubungan Antarabangsa Semasa

Sama ada di peringkat global atau serantau (*regional*), negara-bangsa sebagai pelaku antarabangsa begitu terdedah kepada globalisasi dengan muatannya yang berbagai, termasuk sentimen perdaban. Asakan dan aliran dari luar ini bukan setakat bertindak dalam litaran berlapisan, satu global dan satu lagi serantau, tetapi juga dalam bentuk bantu membantu (*complimentary*), apabila masing-masingnya lengkap melengkapi dan kukuh mengukuhi antara satu sama lain. Konteks sejagat yang terbentuk ini tentu sekali lebih kuat dan lebih berpengaruh, dan ia memungkinkan negara-bangsa dimangsakan dengan begitu mudah sekali. Sejarawan yang beroperasi dalam persekitaran atau

milieu ini, boleh bertukar menjadi agen dalam pemerkasaan peradaban asing. Hal ini sudahpun menjadi kenyataan akhir-akhir ini, dengan percambahan unilateralisme Amerika dan pengantarabangsaan sejarah negara tersebut di peringkat global. Sungguhpun persoalan ‘Sejarah Dunia’ dan ‘Sejarah Universal’ pernah dicanang suatu masa dahulu, penterjemahannya masih terbatas, berbandingkan dengan pembugaran ‘Sejarah Antarabangsa’ yang terpupuk hari ini ekoran kemenangan ‘The West’ ke atas ‘The Rest’. ‘Unity of History’ atau penyatuan sejarah sebagai suatu keseluruhan, dengan bukan-Barat menjadi lampiran kepada sejarah perdana cuba dipasarkan.

ASEAN sebagai komuniti serantau boleh bertukar menjadi penyalur nilai-nilai peradaban asing, seandainya ia menerima pakai dan menyerap cara dan gaya luar tersebut untuk memangkin pembangunan negara anggotanya. Hubungan antarabangsa semasa sememangnya semakin ditandai oleh pergerakan badan dan institusi serantau, tetapi kehadirannya boleh menjadi jambatan kepada laluan unsur dan anasir lain sehingga mencemaskan kehidupan tempatan dan menghimpit sejarah lokal. Pengantarabangsaan nilai Barat sedia mencabar, tetapi pada lewat ini, pengluasaan pengaruh Republik Rakyat China, termasuk di Asia Tenggara, semakin membimbangkan, di sebabkan gelagatnya bukan sahaja untuk menakluk secara fizikal beberapa kawasan kepulauan, tetapi juga memperluaskan jaringan ekonomi dan budayanya merentasi keseluruhan Laut China Selatan.

Pertembongan sejarah global dengan sejarah setempat seharusnya dialu-alukan, sekiranya pertemuan ini memperkayakan khazanah sejarah itu sendiri, lengkap melenkapi pemahaman sejarah, dan mencetus pemikiran intelektual . Pemahaman sejarah antarabangsa sebagai suatu sejarah kemanusian untuk memupuk persefahaman di sebabkan manusia bermula daripada asal usul yang sama seharusnya dialu-alukan. Pada umumnya, ini tidak terjadi, apabila dunia bukan-Barat dilanda oleh kehidupan satu-dimensi dengan berakhirnya pertentangan ideologi Barat-Timor. Berbekalkan kemenangannya, Barat amat bersemangat menjaya demokrasi dan kapitalisme, dan menjadikannya sebahagian daripada gagasan peradaban untuk ikutan dan anutan semua. Penyataan terbuka oleh Francis Fukuyama menerusi karyanya *The End of History and the Last Man*, memperlihatkan komitmennya untuk memasarkan pendekatan sejarah yang berpihak, sekalipun pada tahun-tahun terkemudiannya beliau sendiri terpaksa mengakui bahawa adalah terlalu awal untuknya membuat penegasan tentang penamatian sejarah. Begitu juga dengan Samuel Huntington, yang terkenal dengan bukunya, *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*; pada zahirnya, pengarang ini berusaha menjelaskan pertembongan budaya dan tamadun yang semakin menjadi-jadi, namun terselit dalam pemparannya ialah persoalan rintangan yang terpaksa dihadapi oleh Barat dalam pengluasaan peradabannya, atau pemerkasaan agenda hegemoninya. Daripada perseptif pengajian hubungan antarabangsa, pemikiran Francis Fukuyama dan Samuel Huntington begitu menepati penjelasan Immanuel Wallerstein dalam ‘World System Theory’nya , berhubung perjalanan sehala sejarah internasional.

Negara-bangsa seperti Malaysia sedang berdepan dengan situasi ini. Di satu pihak, globalisasi yang berpusat dan berpaksi di Barat menekannya secara langsung, dan tidak langsung, termasuk menerusi ASEAN dan beberapa negara ahlinya. Singapura sendiri , walaupun terletak di Asia Tenggara dan

merupakan negara anggota pertubuhan tersebut semenjak dari awal-awal lagi, mewakili nilai-nilai global yang terpasang di Barat, khasnya Amerika Syarikat. Dalam konteks pembinaan negara-bangsa, pihak berkuasanya telah sewenang-wenangnya membelakangkan sejarah pra-Raffles, bagi menafikan kesinambungannya dengan sejarah lepas yang pernah mendahuluinya, dan sekaligus mempertalikannya dengan sejarah antarabangsa yang telah diglobalkan.

Malaysia tidak seharusnya menghindarkan diri daripada pengaruh globalisasi, kerana ia juga memberi keuntungan, tetapi ia juga sepatutnya memperhebatkan pengajian sejarah tempatan sebagai benteng pertahanan nasional. Identiti nasional mampu terpupuk dalam wadah sejarah, dan ia boleh berkembang menjadi sebahagian daripada ketahanan kebangsaan. Penerimaan serentak sejarah luar dan sejarah dalaman tidak semestinya membawa kepada penolakan salah satunya, kerana bukan sedikit aspek-aspek daripada kedua-duanya berangkai dan bertindihan.

Pertumpukan sejarah mampu memperkayakan pengalaman dan menambah kebijaksanaan dalam erti kata ‘distilled knowledge’, dan inilah yang sewajarnya diterokai oleh semua sejarawan.

Daripada segi kenegaraan Malaysia, pengulangan ‘Sejarah Selamat’ boleh menjadi formula dalam menangani cabaran globalisasi dengan gelombang pengantarabangsaan sejarah luarnya. Dengan ‘Sejarah Selamat’ saya maksud masa lalu yang bersepuhan nilai-nilai baik dan murni, yang berpotensi dijaya dalam kondisi dan keadaan semasa, supaya pengulangannya membawa kepada pengukuhan hidup berjaya dan bermaruah. Sejarah ini bukanlah suatu kejadian yang ideal, atau unggul, tetapi sebagai laluan masa berisi gubahan dengan struktur sosio politik, sosio ekonomi dan sosio budaya, ia telah berhasil menyumbang kepada kehidupan hari ini (10).

Political will atau kahendak politik sangat diperlukan bagi memajukan ‘Sejarah Selamat’ ini. Sahabungan ini, sejarawan yang mendukung gagasan ini sewajarnya bergerak berbekalkan ‘grand narrative’, sebagai suatu pemetaan strategik, untuk memaju dan memperkasakan sejarah lokal bagi maksud peMalaysianan dan pengantarabangsaannya.

Masa depan Sejarah, dan Sejarah pada Masa Depan

Apakah sejarah semestinya menghadapi zaman depan yang gelap, dalam keadaan ia semakin digelapkan oleh perkiraan politik dan pertimbangan peradaban?

Sejarah mungkin terpaksa bergantung harap kepada pemerintah untuk kekal hidup, lantaran kahendak politik sentiasa bertindak sebagai faktor penentu dalam perkembangannya. Seorang penulis dengan suatu keyakinan menjelaskan bahawa “if History is to survive, it must serve the ends of citizenship” (Kerr). Ini bukan suatu permasalahan besar. Semenjak dari dahulu lagi, sejarah sering beroperasi di bawah bayangan pemerintah. Ranke sendiri terpaksa mengakui bahawa “history ...should above all benefit our nation, without which our own work could not have been accomplished” (11)

Namun, sejarah tetap mempunyai medannya yang tersendiri, hatta dalam keadaan ia tertekan oleh perkiraan politik dan perasaan peradaban. Kalaupun ia terpaksa berligar di bawah naungan pemerintah dengan segala keterbatasan yang dihadapinya, ia tetap berpotensi mempengaruhi keadaan dan mendefinisi persekitaran hidup. Sejarawan yang kreatif dan inovatif dalam pengkaryaan mereka mencipta ruang dan peluang untuk beroperasi. Sejarawan sebagai intelektual awam berkedudukan mengadun penemuannya menjadikannya produk yang menyelera dan mujarab.

Paling tidak, pembentangan dan pembugaran masa lalu dari berbagai perseptif sejarah, oleh pihak berkepentingan termasuk pemerintah, adalah suatu pengkayaan dalam penghasilan histriografi. Subjek yang didekati daripada berbagai sudut dan berbekalkan berbagai fakta sokongan menambahkan khazanah ilmu, dan bukan sebaliknya, sekalipun wujudnya perbezaan atau pertentangan pendekatan. Sejarah dengan itu terelak daripada menjadi bidang pengajian yang gersang, yang hanya tersasar kepada fakta dan data yang kaku dan beku. Sejarah sebagai suatu dialog antara masa kini dan masa lalu, semestinya bertukar menjadi suatu interaksi yang aktif dan dinamik. Pergandingan berbagai pendekatan boleh lengkap melengkapi pemahaman sejarah, dan menjadi jambatan yang menghubungkan satu peradaban dengan yang lain. Pengiktirafan perbedaan adalah dimensi kepada *cultural relativism* yang sangat diperlukan dalam pemupukan keamanan dunia. Persoalan perbedaan hasil daripada proses pensejarahan ini adalah perkara biasa, dan ia sememangnya begitu kerana tidak ada sejarah yang boleh dihukum sebagai ‘Sejarah yang Muktamad’. Kalaupun sejarah bertukar menjadi suatu kerja propaganda, sebagaimana sejarah yang berkembang di bawah Nazisme, ia semestinya akan berdepan dengan pandangan kontra, yang mengangkat perdebatan sejarah menjadi sesuatu yang hidup dan segar.

Baseline atau pokoknya, ialah sejarah yang diperkembangkan ini mestilah berdasarkan penyelidikan, dan didekati berpanduan suatu metodologi akademik. Setelah sesuatu pendekatan ditempa, maka sejarawan hendaklah menuruti pengajiannya mengikut ketetapannya, sama ada ia bersifat kronologi, bercorak teoretis atau berlandaskan paradigma, secara konsisten dan koheren. Ini adalah persoalan dasar dan di situlah terletak nilai-nilai saintifiknya.

(1). Untuk keterangan lanjut, lihat Mohamad Abu Bakar, “Pandangan-Dunia, Ideologi dan Kesiarjanaan: Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial”, Kertas Kerja ‘Seminar Kebangsaan Isu-isu dalam Pensejarahan’, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 17-18 Ogos 1992. Tulisan ini telah diterbitkan dalam Badriyah Hj. Salleh & Tan Liok Ee (ed.), *Alam Pensejarahan: dari Pelbagai Perspektif*, DBP., Kuala Lumpur, hlm. 1-31.

(2). Dipetik dalam George Cotkin, “History’s Moral Turn”, *Journal of the History of Ideas*, April 2008, Vol. 69, No.2, hlm. 297.

(3).*Utusan Malaysia*, 6 November 1970

(4). Lihat juga Michael Hawkins, "Imperial Historicism and American Military Rule in the Philippines' Muslim South", *Journal of Southeast Asian Studies*, 39 (3), October 2008.

(5).John Vincent, *History*, Continuum, New York, 1995, hlm 28

(6). Perbincangan terperinci berkaitan terdapat dalam Mohamad Abu Bakar, "The Globalization of Southeast Asian History and its Discontents", Ucaputama, 23rd Conference of Association of Asian Historians (IAHA), Universiti Utara Malaysia, 23 Ogos 2014. Lihat juga Khalid Blankinship, "Islam and World History: Toward a New Periodization", *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol.8, No.3, 1991.

(7).Shaharil Talib, *Interrogating the State and the Craft of History. The Histriographical Journey*, Asia Europe Institute, University of Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 11.

(8).Di petik dalam Nicholas Tarling, *Historians and Southeast Asian History*, New Zealand Asia Institute, Auckland, 2000, hlm 17

(9). D.P. Singhal, "The Writing of Asian History", dalam R.J. Maguire (ed.), *Hemisphere*, Vol. 7, No.7, 1963, Donald Moore, Singapore, hlm. 133

(10). Untuk kupasan lebih lanjut, lihat Mohamad Abu Bakar, "Mengulangi 'Sejarah Selamat': Masa Lepas dalam Masa Depan", Kertas Kerja Muzakarah Pakar, Pendekatan Muhibah bagi Membina Keharmonian dalam Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia, IKIM, 29-30 April, 2014.

(11). Lihat Howard Zinn, "The Politics of History in the eve of the Cold War", *The World War and the University*, The New Press, New York, 1977, hlm. 51